

**KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA**

Lot No. 14687  
Jalan Sungai Lembing  
25200 KUANTAN  
PAHANG



Tel : 09-573 6304 / 6346

Faks : 09-573 6423

Laman Web : [www.kpmim.edu.my](http://www.kpmim.edu.my)

No. Rujukan Kami : KPM/KTN/HEP C3(110)  
Tarikh : 24 Disember 2020  
9 Jamadilawwal 1442H

**Semua Pelajar KPM Indera Mahkota,**

**MAKLUMAN MOD PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA  
KALENDAR AKADEMIK KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA  
SESI 1/2021**

Perkara di atas adalah dengan hormatnya dirujuk.

2 Merujuk kepada memo daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (MARA.100-4/1/7(26) dan MARA.600-3/1/2 Jld.6(63)) bertarikh 23 Disember 2020, maklumat mod pengajaran dan pembelajaran serta kalendar akademik Kolej Profesional MARA (KPM) bagi Sesi 1/2021 adalah seperti di bawah. Kalendar akademik bagi Sesi 2/2021 dan 3/2021 akan diedarkan setelah mendapat maklumat rasmi daripada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA.

3. Bersama-sama ini disertakan lampiran berikut untuk perhatian dan tindakan semua pelajar:

- i. Lampiran A – Maklumat Sesi Akademik Sesi 1/2021
- ii. Lampiran B – Kalendar Akademik 2021 (Sesi 1/2021)

4. Selaras dengan saranan pembukaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) secara berperingkat oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di KPMIM akan dilaksanakan seperti berikut:

Tarikh	Mod PdP KPMIM
8 – 26 Februari 2021	Pembelajaran Dalam Talian
1 Mac – 13 Jun 2021	Secara Bersemuka (Pembelajaran Secara Gabungan)

5. Sehubungan itu, semua pelajar dikehendaki pulang ke kolej pada **28 Februari 2021 (Ahad)** untuk mengikuti sesi pembelajaran secara bersemuka di kolej mulai **1 Mac 2021 (Isnin)**. Maklumat lanjut mengenai proses pendaftaran

akan dimaklumkan kelak.


6. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan adalah tertakluk kepada arahan terkini daripada pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

7. Perhatian dan kerjasama para pelajar berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**”LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**HJ. SUWANDI BIN SANUSI**  
Pengarah  
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota  
Kuantan

Keusahawanan  
& Pendidikan **Global**  
Amanah Rakyat

**SESI AKADEMIK**  
**KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA**  
**SESI 1/2021**

Tarikh	Tempoh	Aktiviti/Program
4 Februari 2021 (Khamis)	1 hari	Pendaftaran Secara Atas Talian (Pelajar Baharu : Semester 1)
6 Februari 2021 (Sabtu)	1 hari	Pendaftaran Secara Atas Talian (Pelajar Kanan : Semester 2 hingga Akhir)
8 Februari 2021 (Isnin) hingga 28 Mac 2021 (Ahad)	7 minggu	Kuliah
29 Mac 2021 (Isnin) hingga 4 April 2021 (Ahad)	1 minggu	Minggu Aktiviti
5 April 2021 (Isnin) hingga 23 Mei 2021 (Ahad)	7 minggu	Kuliah
24 Mei 2021 (Isnin) hingga 30 Mei 2021 (Ahad)	1 minggu	Minggu Ulangkaji
31 Mei 2021 (Isnin) hingga 11 Jun 2021 (Jumaat)	2 minggu	Peperiksaan Akhir
12 Jun 2021 (Sabtu) hingga 4 Julai 2021 (Ahad)	3 minggu	Cuti Semester